

D.R. 24/2006

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif "pegawai diberi kuasa" takrif yang berikut:

' "Pengarah Negeri" ertinya Pengarah Kebajikan Masyarakat suatu Negeri dan termasuklah masing-masingnya Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya;'; dan

Rang Undang-Undang

- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan noktah di hujung takrif "relative" dengan koma bernoktah.

Pindaan seksyen 3

3. Subseksyen 3(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "Akta Hospital Persendirian 1971 [*Akta 43*]" dengan perkataan "Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]";
- (b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan "Akta Pelajaran 1961 [*Akta 43 tahun 1961*]" dengan perkataan "Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]; dan"; dan
- (c) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut;
- "(d) mana-mana taman asuhan kanak-kanak atau mana-mana rumah kanak-kanak yang ditubuhkan atau dikelolakan oleh Kerajaan Persekutuan atau suatu Kerajaan Negeri."

Pindaan seksyen 5

4. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "Dua" dengan perkataan "Empat";
- (b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut
- "(b) taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja iaitu suatu taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja yang menerima masuk sepuluh orang atau lebih kanak-kanak"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
- "(c) taman asuhan kanak-kanak komuniti iaitu suatu taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk sepuluh orang atau lebih kanak-kanak di suatu kawasan tertentu dan yang menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau suatu Kerajaan Negeri; dan

- (d) taman asuhan kanak-kanak di institusi iaitu suatu taman asuhan kanak-kanak selain taman asuhan kanak-kanak di bawah perenggan (a), (b) dan (c) yang menerima masuk sepuluh orang atau lebih kanak-kanak."

Pindaan seksyen 6

5. Subseksyen 6(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "satu ribu ringgit" dengan perkataan "sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "dua ribu ringgit" dengan perkataan "dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya".

Pindaan seksyen 11

6. Seksyen 11 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "dua belas" dengan perkataan "enam puluh";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:
- "(5) Suatu salinan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat **di** dalam premis yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran itu."; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:
- "(6) Apabila berhenti mengendalikan suatu taman asuhan kanak-kanak, orang yang kepadanya perakuan pendaftaran telah dikeluarkan hendaklah menyerahkan perakuan itu kepada Ketua Pengarah dalam masa satu bulan dari tarikh pemberhentian itu."

Seksyen baru 11A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut:

"Tafsiran

11A. Bagi maksud Bahagian ini, Ketua Pengarah termasuklah Pengarah Negeri."

Pindaan seksyen 14

8. Perenggan 14(e) Akta ibu dipinda dalam teks bahasakebangsaan, dengan menggantikan perkataan "api" dengan perkataan "bahaya kebakaran".

Pindaan seksyen 17

9. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (f), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah;
- (h) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:
 - "(§) gagal memberitahu Ketua Pengarah tentang apa-apa perubahan yang berlaku dalam apa-apa hal keadaan yang butir-butirnya dinyatakan dalam perakuan itu mengikut subseksyen 11(4);
 - (h) gagal menyebabkan suatu salinan perakuan pendaftaran itu dipamerkan mengikut subseksyen 11(5); atau
 - (i) gagal menyerahkan perakuan pendaftaran itu apabila berhenti mengendalikan suatu taman asuhan kanak-kanak mengikut subseksyen 11(6)";
- (c) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "sepuluh"; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan "satu tahun" dengan perkataan "dua tahun atau kedua-duanya".

Seksyen baru 17A

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

"Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.

17A. Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan—

- (a) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu pada masa kesalahan itu dilakukan;
- (b) dalam hal suatu perkongsian, tiap-tiap pekongsi dalam perkongsian itu pada masa kesalahan itu dilakukan; atau
- (c) dalam hal suatu pertubuhan, tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan itu pada masa kesalahan itu dilakukan,

boleh didakwa secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama sebagaimana pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu dan hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah atau bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah kesalahan itu dilakukan."

Seksyen baru 20A

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 20 seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk mengelak

20A. (1) Jika Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana rumah, bangunan, premis atau tempat lain digunakan sebagai suatu taman asuhan kanak-kanak yang

Rang Undang-Undang

tidak didaftarkan di bawah peruntukan Akta ini, Ketua Pengarah atau pegawai diberi kuasa boleh mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya perlu atau dengan apa-apa cara mengelak taman asuhan kanak-kanak-kanak itu.

(2) Orang yang menggunakan rumah, bangunan, premis atau tempat itu sebagai taman asuhan kanak-kanak yang telah dilak hendaklah—

- (a) dalam masa dua puluh satu hari dari pengelakan itu mengemukakan kepada Ketua Pengarah atau pegawai diberi kuasa itu perakuan pendaftaran taman asuhan kanak-kanak itu; dan
- (b) menanggung apa-apa kos yang dilakukan berbangkit daripada tindakan itu.

(3) Lak itu hendaklah ditanggalkan jika—

- (a) orang itu mematuhi kehendak subseksyen (2); atau
- (h) suatu perintah mahkamah diperoleh terhadap orang itu supaya orang itu berhenti daripada menggunakan rumah, bangunan, premis atau tempat itu sebagai taman asuhan kanak-kanak,

mengikut mana-mana yang terdahulu.

(4) Ketua Pengarah atau pegawai diberi kuasa itu yang bertindak di bawah seksyen ini tidaklah bertanggunggan bagi apa-apa kos berbangkit daripada tindakan itu atau kerosakan kepada rumah, bangunan, premis atau tempat yang dilak di bawah seksyen ini melainkan jika kerosakan itu dilakukan dengan sengaja.

(5) Apa-apa tindakan yang diambil di bawah seksyen ini berkenaan dengan mana-mana rumah, bangunan, premis atau tempat lain tidak boleh melarang pendakwaan mana-mana orang yang menggunakan rumah, bangunan, premis atau tempat itu sebagai taman asuhan kanak-kanak dengan melanggar Akta ini."

Penggantian seksyen 21

12. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut:

"Pemulaan pendakwaan

21. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya."

Seksyen baru 21A

13. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

"Pengkompunan kesalahan

21A. (1) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis, dalam borang yang ditetapkan, kepada orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 ("Akta 308").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 308 untuk mengadakan takrif baru "Pengarah Negeri" yang rujuk kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat suatu Negeri dan termasuklah Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan dan Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Putrajaya.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 308 untuk mengecualikan mana-mana taman asuhan kanak-kanak yang bukan sahaja yang dikelolakan tetapi juga yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan atau suatu Kerajaan Negeri daripada peruntukan Akta ini.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 308 untuk memasukkan dua kategori baru taman asuhan kanak-kanak iaitu taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja dan taman asuhan kanak-kanak komuniti.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 6(2) Akta 308 untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan menguruskan taman asuhan kanak-kanak tanpa pendaftaran.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 11(3) Akta 308 untuk melanjutkan tempoh kesahan perakuan pendaftaran daripada dua belas bulan kepada enam puluh bulan. Kehendak untuk mempamerkan perakuan pendaftaran diperuntukkan dalam subseksyen 11(5). Subseksyen 11(6) mengadakan peruntukan bagi penyerahan perakuan itu apabila suatu taman asuhan kanak-kanak ditutup.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 11A ke dalam Akta 308 yang membolehkan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri menjalankan tugas bagi pendaftaran taman asuhan kanak-kanak.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda perenggan 1A(e) teks bahasa kebangsaan Akta 308 dengan menggantikan perkataan "api" dengan perkataan "bahaya kebakaran".
10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 308 untuk menjadikannya suatu kesalahan jika tidak memberitahu Ketua Pengarah tentang apa-apa perubahan yang berlaku dalam apa-apa hal keadaan yang butir-butirnya dinyatakan dalam perakuan pendaftaran, tidak mempamerkan perakuan pendaftaran, atau tidak menyerahkan perakuan itu apabila taman asuhan kanak-kanak itu ditutup. *Fasal 9* juga bertujuan untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan di bawah seksyen ini.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17A ke dalam Akta 308 berhubung dengan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan serta oleh pekerja dan ejen.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah dan pegawai diberi kuasa untuk mengelak taman asuhan kanak-kanak yang tidak berdaftar.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 21 berhubung dengan pendakwaan supaya selaras dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.
14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21A ke dalam Akta 308 untuk membolehkan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dikompaun.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2457]